

Headline	Enzim daun cucur atap mampu rencat asid urik pesakit gout		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	21	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	256 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,046
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,138



Enzim daun cucur atap mampu rencat asid urik pesakit gout

Kuala Terengganu: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menghasilkan produk antigout dihasilkan menggunakan ekstrak daun pokok cucur atap yang mudah diperolehi di pesisir pantai negeri ini.

Ketua Program Sumber Biologi FRIM, Dr Fadzureena Jamaludin berkata, beliau memulakan kajian berkaitan daun berkenaan pada 2012 selepas mendapat geran penyelidikan.

Menurutnya, abstrak dari daun cucur atap bagus dalam me-

rencat enzim yang menghasilkan asid urik dalam badan terutama asid urik bagi pesakit gout.

Katanya, hasil kajian dilakukan itu mendapati wujud enzim yang mampu merencat penghasilan asid urik dan mampu menangani masalah gout.

"Walaupun kami mendapat ekstrak daripada daun berkenaan, kajian berterusan masih dijalankan.

"Kajian dilakukan terutama bagi kelangsungan bekalan bahan mentah.

Kami mahu wujudkan ladang pokok cucur atap sebe-

lum mengkomersilkan produk ini.

"Buat masa ini, daun berkenaan kita peroleh dari sini (Terengganu). Kami ada satu stesen penyelidikan FRIM di Kampung Bari, Setiu, dan kawasan tu banyak pokok cucur atap," katanya pada Program Bicara Teknologi FRIM 2023, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah FRIM, Dr Ismail Parlan.

Menurutnya, buat masa ini pihaknya masih bergantung kepada sumber di Terengganu sebelum meneruskan kajian di Maran, Pahang bagi kelangsungan bahan mentah daun cucur atap.

Daun pokok cucur atap mudah diperolehi di pesisir pantai Terengganu



DR Fadzureena (tengah) memberi penerangan mengenai ekstrak daun cucur atap kepada Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Datuk Ahmad Amzad Hashim. - Gambar NSTP/ NAZDY HARUN